



The Observer

23.02.2024

❖ Tanda-tanda Amaran dalam Penyata Kewangan

Kita tidak dapat menegaskan betapa pentingnya penyata kewangan. Ia memberikan gambaran menyeluruh tentang kesejahteraan dan prestasi kewangan syarikat, menzahirkan kekuatan dan kelemahannya.

Bak kata pepatah Inggeris, *the devil is in the details* – perkara yang pada zahirnya nampak mudah tetapi tidaklah sebegitu mudah jika dikaji dengan teliti. Penyata kewangan menunjukkan petanda yang boleh mendatangkan kesan buruk terhadap syarikat. Seseengah daripadanya mungkin berpunca daripada faktor luaran sementara yang berada di luar kawalan syarikat, manakala yang lain mungkin berkembang menjadi ancaman yang ketara jika dibiarkan begitu sahaja. Oleh itu, sikap berhati-hati dan teliti adalah penting apabila menghadapi tanda-tanda amaran ini.

Seperti tanda amaran lalu lintas yang memberikan amaran kepada kita tentang keadaan jalan raya yang berbahaya di hadapan, penyata kewangan bertindak sebagai penunjuk awal potensi risiko di masa hadapan. Pelabur perlu kekal berwaspada dan bersedia untuk bertindak segera apabila menemui penunjuk ini.

Berikut adalah beberapa tanda amaran biasa yang mungkin wujud dalam penyata kewangan:

1. Prestasi kewangan yang tidak konsisten

Wujudnya perkara yang tidak kena dari sudut perakaunan seperti peningkatan pendapatan tanpa pertumbuhan aliran tunai yang sepadan, pertumbuhan jualan yang konsisten sedangkan seluruh industri sedang mengalami kemerosotan atau lonjakan prestasi kewangan yang tidak dapat dijelaskan, menunjukkan potensi berlakunya penipuan.

Sementara itu, aliran menurun yang berlarutan dalam prestasi kewangan menunjukkan kelemahan asas dalam syarikat, selalunya tidak disedari oleh pelabur runcit. Faktor seperti permintaan yang semakin berkurangan atau persaingan pasaran yang sengit boleh menyebabkan prestasi kewangan merosot.

Walaupun langkah penjimatan kos seperti penstrukturan semula atau penyusunan semula boleh mengurangkan kesan daripada kemelesetan, pemulihan yang

berterusan tidak dapat dipertahan jika syarikat tidak membuat penambahbaikan di peringkat asas.

Pelabur perlu menjalankan penyelidikan secara menyeluruh, mencari prestasi kewangan yang konsisten atau penjelasan yang sah untuk prestasi kewangan yang tidak menentu.

2. Margin keuntungan yang mengecil

Disebabkan dinamik antara penawaran dan permintaan pasaran, perniagaan sering mendapati mereka tidak dapat menyalurkan peningkatan kos kepada pelanggan melalui harga jualan yang lebih tinggi, yang menyebabkan tekanan pada margin keuntungan. Jika trend penurunan margin keuntungan ini berterusan, ia pasti akan menghakis keuntungan syarikat, sekaligus menimbulkan ancaman yang ketara kepada kesihatan kewangannya.

3. Peningkatan dalam tahap penggearan

Apabila hutang syarikat meningkat melebihi ambang optimum, misalnya seperti nisbah hutang kepada ekuiti melebihi 1, ini menandakan pergantungan terhadap pembiayaan hutang dan bukannya aliran tunai yang dijana secara dalaman.

Tambahan pula, peningkatan dalam paras hutang meningkatkan kos modal berpurata wajar syarikat (*weighted average cost of capital, WACC*), sekali gus menghakis nilai semasa bersih untuk pelaburan serta melembabkan jangkaan aliran tunai dan prospek projek baharu di masa hadapan.

4. Penghutang yang semakin meningkat

Apabila jumlah penghutang sesebuah syarikat melebihi pertumbuhan jualan, ia memberikan petanda bahawa syarikat itu perlu meningkatkan kecekapan kutipan penghutang serta mengamalkan pengurusan risiko kredit yang lebih ketat. Usaha mengutip hutang yang tidak cekap, ditambah pula dasar kredit yang longgar adalah antara faktor utama peningkatan yang pesat dalam jumlah penghutang syarikat.

Penghutang yang semakin meningkat boleh menjejaskan rizab tunai dan mempengaruhi keupayaan syarikat untuk memenuhi obligasi jangka pendek. Jika dibiarkan, trend ini meningkatkan risiko rosot nilai atau hapus kira ke atas penghutang.

5. Tahap inventori yang tinggi

Tahap inventori yang lebih tinggi berbanding tahap optimum memberikan petanda stok berlebihan. Situasi ini menimbulkan kebimbangan terhadap stok yang bergerak perlahan atau bertukar usang seiring masa.

Lebih inventori mengikat aliran tunai kerana modal kerja dalam bentuk barang yang tidak terjual adalah tidak cair. Selain itu, paras inventori yang meningkat akan meningkatkan kos penyimpanan secara keseluruhan.

Bagaimanapun, sesetengah industri tertentu mungkin memerlukan tahap inventori yang tinggi untuk menampung corak permintaan yang turun naik atau bermusim.

6. Nisbah semasa yang rendah

Nisbah semasa yang rendah menunjukkan risiko tekanan kewangan dan keingkaran pembayaran yang lebih tinggi. Pemegang saham dan pelabur mungkin mempersoalkan keupayaan syarikat untuk memenuhi kewajipan kewangannya dalam tempoh dua belas bulan akan datang. Oleh itu syarikat perlu mempertingkatkan pengurusan aliran tunai mereka.

Juruaudit luar biasanya mengetengahkan permasalahan ini dalam laporan juruaudit bebas mereka, menilai daya maju kewangan syarikat berkenaan berdasarkan prinsip usaha berterusan.

7. Aliran tunai yang tidak menentu

Kita mungkin boleh menerima jika syarikat sekali-sekala mengalami aliran tunai yang negatif. Aliran tunai daripada operasi (*operating cash flow*, OCF) negatif yang berterusan mewujudkan risiko yang ketara serta menimbulkan keraguan terhadap kemampuan perniagaan.

Aliran tunai negatif daripada operasi yang berterusan menunjukkan syarikat tidak berupaya menjana tunai yang mencukupi daripada operasi teras bagi menampung perbelanjaan operasi harian. Keadaan ini selalunya berpunca daripada pendapatan yang merosot atau peningkatan kos operasi. Ia menjejaskan keyakinan pelabur serta dihindari bakal pelabur.

Kesimpulan

Pelabur mesti berwaspada apabila terlihat tanda-tanda amaran ini dalam syarikat pelaburan mereka. Analisis kritikal penyata kewangan, termasuk perbandingan data berbilang tahun dalam industri, adalah penting untuk membuat keputusan yang termaklum dan tepat pada masanya.

Pendedahan seperti minit mesyuarat dapat memberikan penjelasan dan strategi pengurusan untuk menangani isu yang timbul, sedikit sebanyak melegakan kebimbangan pemegang saham. Pihak berkepentingan dapat mengurangkan risiko serta melindungi portfolio pelaburan mereka dengan berkesan jika mereka kekal proaktif dan sentiasa peka terhadap perkembangan semasa.

Norhisam Sidek
Pengurus, Pemantauan Korporat

Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 26 Februari hingga 1 Mac 2024

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
26.02.24 (Isnin) 11.00 pagi	EITA Resources Berhad (AGM)	Pendapatan Kumpulan menyusut sebanyak RM46.7 juta kepada RM316.9 juta pada tahun kewangan 2023 (tahun kewangan 2022: RM363.6 juta). Selaras dengan pendapatan yang lebih rendah, untung sebelum cukai Kumpulan (<i>profit before tax, PBT</i>) merosot sebanyak RM11.8 juta kepada RM13.1 juta berbanding RM24.9 juta pada tahun sebelumnya. PBT yang menyusut berpunca daripada segmen Sistem Voltan Tinggi yang mencatatkan kerugian sebelum cukai (<i>loss before tax, LBT</i>) sebanyak RM8.1 juta, berikutan kos projek yang tinggi serta peruntukan yang lebih tinggi untuk ganti rugi tertentu yang ditetapkan (<i>liquidated ascertained damages, LAD</i>).
27.02.24 (Selasa) 10.00 pagi	Melati Ehsan Holdings Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan peningkatan marginal sebanyak 1% dalam pendapatan bagi tahun kewangan 2023, berjumlah RM102.6 juta (tahun kewangan 2022: RM101.4 juta). Justeru, keuntungan bersih Kumpulan juga lebih rendah sebanyak RM16.8 juta berbanding RM19.0 juta dalam tempoh yang sama sebelum ini.</p> <p>Untung bersih yang lebih rendah disebabkan oleh sumbangan pendapatan yang lebih rendah daripada segmen pembangunan hartanah. Namun begitu, prestasi Kumpulan diselaraskan oleh pendapatan lain iaitu keuntungan tidak berulang daripada pelupusan usaha sama, B.H.O. Melati Sdn Bhd berjumlah RM11.7 juta.</p>
27.02.24 (Selasa) 10.00 pagi	JCY International Berhad (AGM)	<p>JCY menyaksikan pendapatannya merosot 42.8% pada tahun kewangan berakhir 2023 (RM475.4 juta) disebabkan permintaan pasaran yang perlahan untuk penstoran digital, khususnya segmen pemacu cakera keras (<i>hard disc drive, HDD</i>).</p> <p>Selain itu, Kumpulan mencatatkan kerugian bersih berjumlah RM90.3 juta pada tahun kewangan berakhir 2023 (tahun kewangan berakhir 2022: RM89.2 juta).</p>

		<p>Oleh yang demikian, JCY kini mengutamakan penjimatan tunai dengan mengecilkan operasi, menangguhkan pelaburan yang tidak penting serta menukarkan jumlah inventori yang tinggi kepada tunai.</p> <p>Meskipun berdepan cabaran, JCY menerima lebih 26 pertanyaan tentang produk baharu dan terus meneroka peluang dalam sektor automotif, menunjukkan peningkatan pendapatan yang luar biasa sebanyak 340% pada tahun kewangan 2023.</p>
27.02.24 (Selasa) 10.30 pagi	Scanwolf Corporation Berhad (EGM)	<p>Scanwolf bercadang untuk menamatkan skim terbitan saham pekerja yang sedia ada dan mewujudkan skim saham pekerja (<i>employees' share scheme, ESS</i>) baharu ('Cadangan ESS'), yang melibatkan skim opsyen saham pekerja (<i>employees' share option scheme, ESOS</i>) ('Cadangan ESOS') dan pelan pemberian saham pekerja (<i>employees' share grant plan, ESGP</i>), ('Cadangan ESGP').</p> <p>Cadangan ESS melibatkan penerbitan sehingga 15% daripada jumlah Saham terbitan Scanwolf untuk Orang Yang Layak dalam tempoh lima tahun dengan lanjutan selama lima tahun lagi.</p>
27.02.24 (Selasa) 12.30 tengah hari	Cyberjaya Education Group Berhad (EGM)	<p>Cyberjaya Education Group berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk Cadangan Penyatuan Saham yang melibatkan penyatuan setiap 10 Saham sedia ada kepada satu Saham Disatukan.</p> <p>Selepas Cadangan Penyatuan Saham ini dimuktamadkan, modal saham terbitan Cyber yang terhasil berjumlah RM413,129,122 yang terdiri daripada 167,904,864 Saham yang Disatukan.</p>
28.02.24 (Rabu) 10.00 pagi	KUB Malaysia Berhad (EGM)	<p>KUB berhasrat memohon kelulusan pemegang saham untuk resolusi berikut:</p> <p>(i) Cadangan pemerolehan kira-kira 86.65% kepentingan ekuiti dalam Central Cables Berhad (CCB) oleh</p>

		<p>KUB daripada JAG Capital Holdings Sdn Bhd dengan harga RM119.42 juta, yang akan dipenuhi sepenuhnya melalui penerbitan 199.035 juta Saham Keutamaan Boleh Tukar Boleh Tebus (<i>Redeemable Convertible Preference Shares, RCPS</i>) baharu dalam KUB ('RCPS Pertimbangan') pada harga 60 sen setiap RCPS Pertimbangan (secara kolektif dirujuk sebagai 'Cadangan Pemerolehan') dan Cadangan Pempelbagaian operasi dalam Perniagaan Pembuatan Kabel.</p> <p>(ii) Cadangan Tawaran Pengambilalihan Mandatori oleh KUB untuk semua baki saham biasa dalam CCB yang belum dimiliki oleh KUB selepas Cadangan Pemerolehan (selepas ini disebut 'Cadangan MGO* CCB'). *tawaran am mandatori (<i>mandatory general offer, MGO</i>)</p> <p>(iii) Cadangan Pindaan Perlembagaan KUB untuk memudahkan pengeluaran RCPS menurut Cadangan Pemerolehan dan Cadangan MGO CCB.</p>
28.02.24 (Rabu) 11.00 pagi	CEKD Berhad (AGM)	<p>CEKD mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 6.9% kepada RM32.6 juta pada tahun kewangan 2023 terutamanya disebabkan oleh pemerolehan Worldwide dan Kit Technology. Bagaimanapun, untung sebelum cukai menyusut 7.2% kepada RM6.8 juta terutamanya disebabkan oleh perbelanjaan tidak berulang daripada penyatuan operasi kilang Hotstar dan yuran profesional yang lebih tinggi serta duti setem yang ditanggung untuk pemerolehan Worldwide dan Kit Technology.</p>
01.03.24 (Jumaat) 09.30 pagi	Notion VTEC Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2023, Notion melaporkan peningkatan 3.3% dalam pendapatan kepada RM345.26 juta tetapi mencatatkan kerugian bersih yang ketara sebanyak RM45.02 juta, terutamanya disebabkan oleh rosot nilai yang tinggi dalam hartanah, loji dan peralatan, berjumlah RM30.7 juta.</p>

		<p>Segmen pemacu cakera keras (<i>hard disc drive</i>, HDD) mengalami pesanan yang rendah, dengan jangkaan pemulihan pada tahun kewangan 2024, manakala prospek pertumbuhan untuk segmen kelengkapan perlindungan diri (<i>personal protective equipment</i>, PPE) kekal utuh.</p> <p>Sebaliknya, segmen Automotif dan perkhidmatan pembuatan elektronik (<i>electronic manufacturing services</i>, EMS) berkembang pesat, menyumbang hampir 75% kepada pendapatan Kumpulan, meningkat daripada 56% pada tahun kewangan berakhir 2022.</p> <p>Meskipun berdepan tantangan, Notion terus melabur dalam mesin kawalan berangka komputer (<i>computer numerical control</i>, CNC) untuk menyokong perniagaan HDD, Automotif dan EMS. Syarikat menjangkakan pertumbuhan yang ketara dalam sektor EMS di Notion Johor melalui rangkaian produk dan keupayaan pembuatan yang diperluas.</p>
<p>01.03.24 (Jumaat) 11.00 pagi</p>	<p>mtouche Technology Berhad (AGM)</p>	<p>Pendapatan mTouche merosot 32% pada tahun kewangan 2023 terutamanya disebabkan oleh pendapatan yang lebih rendah daripada projek kit ujian COVID-19.</p> <p>Melangkah ke hadapan, Kumpulan akan melaksanakan inisiatif seperti pembinaan semula jenama untuk perkhidmatan tambah nilai mudah alih serta penyelesaian pembekalan kandungan mudah alih dan terus mengeluarkan aplikasi baharu untuk memenuhi permintaan pengguna.</p> <p>mTouche membeli dua hartanah komersial di Troika KLCC untuk menubuhkan pusat perkhidmatan pemulihan dan kesejahteraan gaya hidup bagi menyediakan perniagaan yang memberikan pendapatan berulang yang mampan dalam jangka panjang. Hartanah itu kini sedang dalam proses pengubahsuaian.</p>

Perkara penting untuk diketengahkan:

Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
EITA Resources Berhad (AGM)	<ol style="list-style-type: none">1. Untung sebelum cukai Kumpulan merosot disebabkan oleh segmen sistem voltan tinggi yang mencatatkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM8.1 juta. Penurunan ini berpunca daripada perolehan yang rendah, kos projek yang tinggi, terutamanya untuk projek kabel bawah tanah serta peruntukan yang lebih tinggi untuk ganti rugi tertentu yang ditetapkan (LAD).<ol style="list-style-type: none">a) Adakah projek kabel bawah tanah sudah siap? Jika belum, sila berikan tarikh siap yang dijangkakan.b) Bagaimanakah timbulnya peruntukan ganti rugi tertentu yang ditetapkan ini?c) Adakah Kumpulan menjangkakan pertambahan dalam peruntukan ganti rugi tertentu yang ditetapkan ini?2. Bagaimanakah ketidaktentuan dalam ekonomi utama, dinamik perdagangan yang lemah yang disebabkan oleh gangguan rantai bekalan serta ketegangan perdagangan yang berterusan menjejaskan margin Kumpulan, memandangkan margin untung selepas cukai (<i>profit after tax, PAT</i>) menyusut daripada 5.19% pada tahun kewangan berakhir 2022 kepada 2.31% pada tahun kewangan berakhir 2023? Sila tentukan impaknya, jika berkenaan. Nyatakan juga langkah-langkah khusus yang diambil untuk menangani cabaran yang disebutkan di atas.
Melati Ehsan Holdings Berhad (AGM)	<ol style="list-style-type: none">1. Pada 31 Ogos 2023, penghutang perdagangan Kumpulan selepas ditolak kerugian rosot nilai berjumlah RM148.4 juta yang mewakili 37% daripada jumlah aset Kumpulan. 90% daripada jumlah itu telah pun melepasi tempoh kredit melebihi 120 hari dan 81% daripada jumlah terhutang adalah daripada satu pelanggan utama. (Halaman 69 hingga 72, Laporan Tahunan 2023)<ol style="list-style-type: none">a) Adakah pelanggan utama ini pelanggan yang masih berurusan dengan Kumpulan atau bekas pelanggan? Apakah projek Kumpulan yang dikaitkan dengan pelanggan ini?b) Jika pelanggan utama ini adalah pelanggan yang masih berurusan dengan Kumpulan, berapa lamakah lagi sehingga projek itu disiapkan?c) Apakah julat syarat kredit perdagangan yang diberikan kepada pelanggan ini dan apakah purata tempoh pembayaran (iaitu, bilangan hari antara pengeluaran sijil pembayaran dan penerimaan pembayaran)?

	<p>d) Memandangkan Kumpulan merekodkan aliran tunai operasi yang negatif dalam tempoh dua tahun berturut-turut, adakah Kumpulan merancang untuk merundingkan tempoh pembayaran yang lebih singkat dengan pelanggan utama ini?</p> <p>2. Perolehan Segmen Pembinaan meningkat 147% kepada RM64.3 juta berbanding tahun kewangan 2022. Bagaimanapun, margin untung kasar Segmen Pembinaan merudum kepada 18% daripada 55% pada tahun kewangan 2022. (Halaman 81 dan 82, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Apakah projek pembinaan yang menyumbang kepada peningkatan dalam perolehan?</p> <p>b) Apakah faktor yang menyebabkan penurunan dalam margin untung kasar Segmen Pembinaan pada tahun kewangan 2023?</p>																								
<p>JCY International Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan berdepan cabaran secara konsisten yang menyaksikan kos jualan mengatasi pendapatan, walaupun sebelum bermula era Covid (Laporan Tahunan 2019 - 2023)</p> <table border="1" data-bbox="592 943 1374 1227"> <thead> <tr> <th>Tahun Kewangan</th> <th>2019</th> <th>2020</th> <th>2021</th> <th>2022</th> <th>2023</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Perolehan</td> <td>1,037.10</td> <td>1,076.00</td> <td>1,055.30</td> <td>830.60</td> <td>475.40</td> </tr> <tr> <td>Kos barang terjual</td> <td>1,066.60</td> <td>1,034.10</td> <td>1,069.70</td> <td>873.60</td> <td>561.16</td> </tr> <tr> <td>Untung/Rugi Operasi</td> <td>-29.50</td> <td>41.90</td> <td>-14.40</td> <td>-43.00</td> <td>-85.76</td> </tr> </tbody> </table> <p>Apakah punca kos jualan yang tinggi ini? Apakah tindakan Kumpulan untuk menambah baik struktur kos, terutama dengan mengambil kira trajektori positif untuk harga aluminium?</p>	Tahun Kewangan	2019	2020	2021	2022	2023	Perolehan	1,037.10	1,076.00	1,055.30	830.60	475.40	Kos barang terjual	1,066.60	1,034.10	1,069.70	873.60	561.16	Untung/Rugi Operasi	-29.50	41.90	-14.40	-43.00	-85.76
Tahun Kewangan	2019	2020	2021	2022	2023																				
Perolehan	1,037.10	1,076.00	1,055.30	830.60	475.40																				
Kos barang terjual	1,066.60	1,034.10	1,069.70	873.60	561.16																				
Untung/Rugi Operasi	-29.50	41.90	-14.40	-43.00	-85.76																				
<p>Scanwolf Corporation Berhad (EGM)</p>	<p>Bersempena dengan skim saham pekerja (<i>employees' share scheme, ESS</i>) yang dicadangkan (Cadangan ESS), Scanwolf berhasrat untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi mengetepikan hak beli dahulu mereka dan ditawarkan mana-mana saham Scanwolf baharu yang timbul daripada penerbitan saham Scanwolf baharu, yang akan diterbitkan menurut Cadangan ESS di bawah Seksyen 85 Akta Syarikat 2016 dan Fasal 57 Perlembagaan Scanwolf (Halaman 16, Pekeliling bertarikh 8 Februari 2024).</p> <p>Mengapakah Scanwolf tidak membentangkan resolusi yang berasingan untuk mengetepikan hak beli dahulu, sedangkan ia boleh dilakukan serentak apabila mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk Cadangan ESS?</p>																								
<p>KUB Malaysia Berhad (EGM)</p>	<p>Berdasarkan Laporan Tahunan 2023, Kumpulan melaporkan tunai dan baki bank bersih ditolak pinjaman sebanyak RM364.5 juta dan mencatatkan nisbah penggearan yang rendah iaitu 0.08 pada 30 Jun 2023. Ini adalah berikutan pelupusan aset</p>																								

	<p>perladangan di Kluang dalam tempoh kewangan berakhir 2021. Kumpulan juga menjana aliran tunai yang positif sebanyak RM14.1 juta pada tahun kewangan 2023.</p> <p>Mengapakah KUB tidak menggunakan wang tunai dan baki bank yang ada atau pinjaman bank (atau gabungan keduanya) untuk menyelesaikan Pertimbangan Pembelian? KUB sebaliknya menerbitkan 'RCPS sebagai Pertimbangan' yang mengakibatkan pencairan terhadap pegangan saham pemegang saham minoriti apabila pemegang 'RCPS sebagai Pertimbangan' memilih untuk menukar 'RCPS sebagai Pertimbangan' mereka kepada saham KUB baharu.</p>
CEKD Berhad (AGM)	<p>Walaupun mencatatkan peningkatan dalam pendapatan sebanyak 6.9% kepada RM32.6 juta pada tahun kewangan 2023, untung sebelum cukai (<i>profit before tax</i>, PBT) Kumpulan menyusut 7.2% kepada RM6.8 juta. PBT yang rendah sebahagian besarnya berpunca daripada perbelanjaan tidak berulang yang ditanggung berikutan penyatuan operasi kilang Hotstar, yuran profesional yang lebih tinggi serta duti setem yang ditanggung untuk pemerolehan Worldwide dan Kit Technology. (Halaman 12, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Berapakah jumlah perbelanjaan tidak berulang yang ditanggung untuk penyatuan kilang?</p> <p>b) Berapakah jumlah kapasiti Kumpulan pada 31 Ogos 2023?</p> <p>c) Berapakah jumlah dan kadar pertumbuhan pendapatan Kumpulan yang disasarkan untuk tahun kewangan 2024?</p> <p>d) Berapakah perbelanjaan modal yang dibajetkan untuk tahun kewangan 2024?</p>
Notion VTEC Berhad (AGM)	<p>1. Pesanan yang berkurangan menjejaskan segmen pemacu cakera keras (<i>hard disc drive</i>, HDD), namun Kumpulan menjangkakan pemulihan yang stabil dalam sektor ini pada tahun kewangan berakhir 2024 (Halaman 11, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>a) Bagaimanakah keterlihatan pesanan dalam segmen HDD? Adakah Kumpulan menjangkakan apa-apa pesanan yang besar?</p> <p>b) Apakah sasaran atau jangkaan kewangan untuk segmen ini pada tahun kewangan berakhir 2024? Bagaimanakah Kumpulan merancang untuk mengurangkan risiko halangan yang berpanjangan dalam pasaran HDD?</p> <p>2. Penghutang dagangan yang lampau tempoh melebihi 120 hari berjumlah RM4.4 juta (tahun kewangan berakhir 2023), meningkat dengan ketara daripada RM1.1 juta pada tahun kewangan berakhir 2022 (Halaman 100, Laporan Tahunan 2023).</p>

	<p>a) Apakah cabaran yang dihadapi oleh Kumpulan untuk mengutip penghutang perdagangan yang sudah lampau tempoh melebihi 120 hari, memandangkan jumlah yang tertunggak semakin meningkat?</p> <p>b) Apakah profil pelanggan Kumpulan? Setakat ini, berapakah jumlah tertunggak yang berjaya dikutip?</p>
mtouche Technology Berhad (AGM)	<p>Kerugian rosot nilai ke atas aset tidak ketara (lesen perisian, harta intelek dan kos pembangunan) meningkat dengan ketara daripada RM4.12 juta kepada RM43.99 juta (Halaman 112, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>Apakah sebab utama caj rosot nilai yang tinggi bagi setiap item di bawah aset tidak ketara? Apakah kemungkinan berlaku pembalikan atau kebolehpulihan bagi setiap item, jika berkenaan, pada tahun kewangan 2024?</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)
 Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)
 Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)
 Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)
 Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)
 Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)
 Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, (nuramirah@mswg.org.my)
 Yan Lai Kuan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (yan.laikuan@mswg.org.my)
 Lam Jun Ket, Pengurus, Pemantauan Korporat, (lam.junket@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

• Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya

mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.